

SULIT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2025**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU**

1103/1

**Kertas 1
Ogos 2025**

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. *Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Bahagian A**[30 markah]***Soalan ini mesti dijawab.**Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan pencemaran plastik.**Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang pencemaran plastik di negara kita.**Panjangnya karangan anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.***Malaysia negara ke-5 tertinggi dunia cemari laut dengan plastik**

KUALA LUMPUR: Penyedia perkhidmatan tenaga dari United Kingdom (UK), Utility Bidder mendedahkan Malaysia mencemari lautan dengan 2.29 kilogram plastik perkapita setiap tahun, sekali gus meletakkan negara ini kelima tertinggi di dunia yang terbabit menyebabkan pencemaran laut.

Kajian pencemaran plastik dilakukan Utility Bidder ini bagi mengenal pasti negara yang paling banyak mengeksport sisa, negara yang mempunyai kebarangkalian paling tinggi mengeluarkan sisa plastik dan negara yang paling banyak melakukan salah urus sisa.



“Tindakan undang-undang perlu diambil berikutan pencemaran plastik di negara ini semakin berleluasa dan membimbangkan”

*Menteri Sumber Asli dan Kelestarian
Alam*

Bahagian B**[70 markah]**

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Seiring peredaran zaman, permainan tradisional semakin dipinggirkan terutamanya dalam kalangan generasi muda. Permainan tradisional seperti galah panjang, gasing, baling selipar, tarik upih dan congkak yang dimainkan oleh masyarakat dahulu untuk memenuhi masa terluang semakin dilupakan. Faktor utama yang dikenal pasti berlakunya isu tersebut adalah kerana generasi muda mula beralih arah bermain permainan secara dalam talian.

Sumber : *Internet*

Huraikan faktor yang terdapat dalam petikan berserta faktor-faktor lain berlakunya isu tersebut.

2

KELANTAN: Kemalangan jalan raya menjadi isu yang semakin kritikal di negara kita dan menunjukkan peningkatan saban tahun. Menurut Timbalan Pengarah JPJ Negeri Kelantan, statistik kemalangan jalan raya yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia sehingga September 2024 berjumlah 470,416 kes. Secara purata, 6,330 nyawa terkorban setiap tahun menjadikan nahas jalan raya penyebab utama kematian di Malaysia. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan yang proaktif dalam usaha membendung kemalangan jalan raya di negara kita.

Sumber : <https://hospital.usm.my>

Huraikan peranan-peranan tersebut.

3

Ketagihan melayari rangkaian media sosial seperti Facebook, Instagram, YouTube, dan Twitter telah membawa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat. Berdasarkan statistik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), sebanyak 24.6 juta akaun pengguna rangkaian sosial telah direkodkan yang rata-ratanya terdiri daripada golongan belia. Jumlah tersebut amat membimbangkan kerana masalah ini akan mendatangkan kesan negatif jika penggunaannya tidak dikawal seperti mudah lalai sehingga ada yang mengorbankan jati diri masing-masing.

Sumber: *www.bharian.com.my*

Selain kesan yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan kesan-kesan masalah tersebut.

4

Kejiranan yang harmoni merupakan asas penting bagi membentuk masyarakat yang sejahtera dalam komuniti setempat. Namun begitu, amalan kejiranan didapati semakin luntur dalam kalangan masyarakat terutamanya yang tinggal di bandar kerana mereka lebih suka menyendiri dan tidak mengenali jiran sedangkan amalan kejiranan mampu menjamin keselamatan komuniti setempat. Selain itu, amalan ini juga boleh memupuk semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat dan memberikan peluang jiran mengenali budaya kaum lain.

Sumber: *Internet*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan manfaat-manfaat amalan tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT